

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B DATUK LIANG TECK MENG**
TARIKH : **14.03.2016 (ISNIN)**
SOALAN : **NO. 11**

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah terdapat sebarang langkah oleh Kerajaan untuk jadikan Johor sebagai hab pendidikan tinggi yang secara tidak langsung dapat menarik lebih ramai pelajar tempatan dan antarabangsa ke negeri Johor.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) amat komited bagi mencapai matlamat yang digariskan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) untuk membangunkan Malaysia sebagai hab pendidikan bertaraf global yang mempunyai kelebihan tersendiri, dipandang tinggi oleh pelajar kerana berdaya saing untuk menyediakan pendidikan tinggi yang berkualiti.

Prinsip-prinsip asas untuk membina reputasi Malaysia sebagai hab pendidikan adalah seperti berikut:

- i. Meningkatkan mutu keseluruhan program akademik dan kepakaran supaya dapat menarik pelajar dan sarjana antarabangsa yang cemerlang;

- ii. Membangunkan bidang tujahan yang akan membezakan Malaysia dengan negara-negara lain untuk mewujudkan jenama global yang unik;
- iii. Memastikan keterlihatan dan kehadiran berterusan jenama pendidikan Malaysia bagi mempromosi dan mengekalkan minat terhadap Malaysia pada peringkat global; dan
- iv. Mempelbagaikan latar belakang akademik dan pelajar dengan mempromosi program profesional dan peningkatan kemahiran.

Bagi mencapai hasrat tersebut, KPT akan membantu Institusi Pendidikan Tinggi dan agensi berkaitan untuk memperkaya keseluruhan pengalaman pelajar antarabangsa sebelum, semasa dan selepas pengajian, meningkatkan promosi jenama pendidikan Malaysia, memantapkan lagi pasaran sedia ada dan memperluas pasaran baru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, negeri Johor tidak ketinggalan dalam merealisasikan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi. Antara langkah proaktif yang diambil oleh KPT adalah membangunkan Hab Pendidikan Pagoh dan ini bakal menjadikan Johor sebagai hab pendidikan tinggi yang secara tidak langsung dapat menarik lebih ramai pelajar tempatan dan antarabangsa ke negeri Johor.